

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

JABATAN PELAJARAN PERAK

PERUTUSAN PENGERUSI MBJ



Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarokatuh dan Salam Sejahtera

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan satu platform dua hala di antara pihak pengurusan dan pihak pekerja berteraskan konsep “*High Performance Organizational Culture*”. Konsep ini pada dasarnya menekankan kepada sejauh mana pihak pengurusan sesebuah organisasi dapat memahami hala tuju, objektifnya dan aspirasi tenaga manusia serta kebolehan untuk mengeksploitasikannya ke arah kecemerlangan organisasi. Maka dengan ini, MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja di dalam sesebuah organisasi (dalam konteks ini JPN), yang mana Pihak Pekerja diberi peluang untuk mengemukakan pendapat dan mengambil bahagian secara aktif dalam membincangkan dan menyelesaikan isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebajikan pekerja dan perjalanan organisasi JPN.

Oleh yang demikian, MBJ sebenarnya berperanan untuk membantu pihak pengurusan bagi menyelesaikan isu-isu dalaman yang dihadapi oleh warga JPN merangkumi semua perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat perkhidmatan dan perjalanan organisasi yang ada hubungkait dengan pentadbiran. Semua ahli MBJ boleh mengambil bahagian dalam perbincangan dan berkongsi idea dalam mencari penyelesaian terhadap sebarang isu yang mana perbincangan tersebut hendaklah ditumpukan kepada perkara-perkara yang melibatkan masalah bersama. Sehubungan dengan ini, perlantikkan keanggotaan pihak pekerja dalam MBJ telah dibuat seramai 14 orang ahli buat masa ini, yang merangkumi pelbagai Skim Perkhidmatan yang wujud

di JPN. Perlantikkan ini dibuat selaras dengan penyusunan semula MBJ JPN pada tahun 2009, setelah pindaan perlembagaan MBJ telah dipersetujui dan diluluskan oleh JPA.

Maka dengan ini, adalah diharapkan agar Pihak Pekerja dapat memanfaatkan forum ini bagi kepentingan bersama pihak pekerja dan juga jabatan secara amnya ke arah memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

HAJI MOHD RADZI BIN ABD JABAR, AMN; AMP.

PENGARAH PELAJARAN PERAK